

# Press Release



Media: Kosmo!  
Date: 4 Aug 2011  
Page: Pg 21,22,23  
Section: Menyelami Hidup Anda  
Published: Daily  
Language: Malay  
Circulation: 234, 000

**Kosmo!**  
KHAMIS  
4 OGOS 2011

**LEDAKAN IT DI SEKOLAH KOREA**  
Korea Selatan melaburkan kira-kira AS\$2 bilion (RM5.9 bilion) bagi menggantikan buku teks konvensional kepada komputer tablet sebagai persediaan memperluas rangkaian akademik digital. >24

**2**  
Menyelami Hidup Anda

**BISNES  
TUPPERWARE**



## Bukan hanya bisnes kaum wanita

Oleh IZYAN LIYANA MOHD. DARIF  
izyanliiyana.darif@kosmo.com.my

**A**BDUL MAJID SAMAD, 58, kelihatan agak sibuk menguruskan stok-stok Tupperware yang baru diambil dari pejabat stokis. Tiga kotak bersaiz besar itu dibuka dengan berhati-hati agar produk di dalamnya tidak rosak. Kemudian, satu persatu produk Tupperware disusun mengikut senarai tempahan pelanggan.

"Inilah rutin mingguan saya. Sentiasa sibuk dengan pengambilan dan penghantaran barangan Tupperware. Jadual kerja perlu sistematik dan efektif kerana saya tidak mahu pelanggan terpaksa menunggu lama stok barangan mereka.

"Apatah lagi tempahan stok semakin banyak pada bulan Ramadan dan menjelang hari raya," tutur Abdul Majid mengenai bisnes Tupperware Brands yang diusahakan sejak tahun 2004 bersama isteri, Rohaya Abdul Rahman, 55.

Mengulas mengenai cintanya pada bisnes Tupperware yang dimonopoli oleh golongan wanita, anak kelahiran Jejebu, Negeri Sembilan, itu memberitahu semuanya tersemak ketika dia berusia 22 tahun. Pada waktu itu, Abdul Majid hanyalah pengguna setia Tupperware dan sentiasa membeli produk berkenaan daripada kakak iparnya

Tupperware Brands bukan saja sekadar bekas tempat menyimpan makanan, bahkan jenama tersebut membantu para suri rumah, ibu tunggal berdikari dan mereka yang berminat berniaga untuk menjana pendapatan tambahan.

yang merupakan ahli tetap Tupperware Brands.

"Saya tak pernah terfikir untuk menjadi ahli Tupperware kerana sudah mempunyai pekerjaan tetap di salah sebuah syarikat perumahan dan pemaju. Lagipun membeli barang Tupperware untuk kegunaan peribadi bukan untuk berniaga.

"Namun semuanya berubah ketika mengunjungi pejabat stokis Tupperware Brands di Wangsa Maju, Kuala Lumpur, untuk membeli botol minuman. Kebetulan pada waktu itu, saya telah bertemu ahli senior, Norlia Ismail, yang beria-ria mengajak saya menjadi ahli supaya menikmati potongan diskaun 30 peratus bagi setiap pembelian barangan Tupperware," jelas Abdul Majid kepada *Kosmo!* ketika ditemui di Gombak baru-baru ini.

### Peluang berniaga

Bertitik tolak daripada episod itulah Abdul Majid mula berjinak-jinak menjual Tupperware dalam kalangan teman-teman dan jiran. Pada hujung minggu dia mengambil kesempatan mengadakan parti Tupperware bagi mempromosi produk Tupperware kepada

para pelanggan baharu. Jelas Abdul Majid, dia tidak malu mengendalikan bisnes Tupperware meskipun perniagaan itu sinonim dengan golongan wanita. Lebih mengujakan, bisnes Tupperware mendapat kepercayaan dan sambutan daripada orang ramai kerana produknya yang berkualiti dan tahan lasak.

Dalam pada itu, Salleh Fadhil Abdullah, yang sudah 13 tahun berniaga Tupperware menyifatkan sebuah peluang perniagaan yang berbaloi dan mendatangkan manfaat kepada orang ramai. Tupperware yang diperkenalkan sejak tahun 1946 oleh Earl Tupper di Florida, Amerika Syarikat (AS) bukan saja menjanjikan peluang perniagaan yang cerah malah koleksi produk tersebut selamat digunakan oleh semua lapisan masyarakat.

"Orang ramai cenderung membeli botol air dan bekas makanan plastik kerana harganya murah berbanding produk Tupperware yang berharga RM10 ke atas. Tetapi, tahukah anda bekas Tupperware lebih tahan lama kerana diperbuat daripada material tidak ber toksik dan tiada unsur karsinogenik? Lagipun produk Tupperware diiktiraf

oleh Food & Drug Administration & Japan Polyolefin Hygienic Association Standard (FDA).

"Penggunaan produk plastik boleh menjejaskan kesihatan terutamanya pada botol atau bekas makanan yang terdedah pada cuaca panas. Tindak balas haba itu akan menghasilkan bahan kimia tertentu yang memberi kesan buruk pada kesihatan," jelas Salleh sambil menunjukkan botol air Eco Tupperware yang hadir dalam enam warna menarik.

Salleh yang membahagi masa antara karier sebagai akauntan dan bisnes Tupperware menjelaskan, produk terbaharu itu selamat digunakan meskipun ia terdedah pada cuaca panas atau sejuk. Selain koleksi botol Eco Tupperware, Salleh turut menyarankan orang ramai menggunakan set Tapau untuk membungkus makanan berbanding menggunakan polistiren.

### Berhenti kerja

Sementara itu, Iffa Ismail, 28, yang baru enam tahun melibatkan diri dalam bisnes Tupperware bersyukur dengan rezeki yang dikecapi pada hari ini. Ibu kepada sepasang cahaya mata itu tidak menyangka keputusannya melepaskan jawatan sebagai pegawai bank di salah sebuah bank terkemuka telah membuka laluan rezeki yang lebih lumayan.

Sebelum ini, anak kelahiran Selangor itu kurang yakin pada bisnes Tupperware meskipun ibunya, Norlia Ismail, 52, merupakan salah seorang pengedar Tupperware.

"Pada mulanya saya enggan melibatkan diri dalam perniagaan ini kerana bimbang dengan risiko pasang dan surut berniaga. Sebab itu, saya mengambil keputusan bekerja apatah lagi setiap bulan saya memperoleh gaji tetap.

"Namun, semuanya berubah selepas melihat kejayaan ibu berjaya memperoleh komisen yang tinggi setiap bulan, hasil jualan Tupperware. Selepas berbincang dengan ibu dan mempelajari pelan perniagaan Tupperware, setiap hujung minggu saya ke pasar raya Giant



ORANG ramai kini berpeluang membuat pizza dalam tempoh kurang 20 minit dengan menggunakan set pizza jenama Tupperware Brands.



LAZIMNYA para pelanggan membuat tempahan Tupperware berdasarkan produk-produk yang dipamerkan dalam katalog.

# Press Release

KOSMO! 2 KHAMIS 4 OGOS 2011

RencanaUtama 23

◀ Teluk Intan, Perak untuk membuka kios mini Tupperware dan mencari pelanggan baharu," jelas Iffa yang kini mempunyai ahli Tupperware dari Perak dan Kuantan, Pahang.



SALLEH

Lebih membanggakan, pada fasa pertama jualan Tupperware, Iffa berjaya mencatat hasil jualan sebanyak RM6,000 dalam masa kurang tiga jam.

Sehubungan itu, bagi memberi tumpuan sepenuhnya pada perniagaan Tupperware dan memudahkannya berbilang-ahlik antara Kuala Lumpur, Perak dan Pahang, maka dia mengambil keputusan berhenti kerja. Lebih yakin dia memperoleh pendapatannya menjual Tupperware yang mencecah sehingga RM4,000, sebulan.



IFFA

### Parti Tupperware

Tambah Iffa: "Rezeki tidak datang bergolek sebaliknya ia memerlukan daya usaha yang tinggi. Sebab itu, saya menyarankan kelompok ibu tunggal ataupun suri rumah berkecimpung dalam bisnes ini untuk mendapatkan pendapatan sampingan."



ABDUL MAJID

"Bagi mereka yang ingin memahami dengan lebih terperinci mengenai keistimewaan perniagaan Tupperware, bolehlah berjumpa dengan pengedar utama kami dan kami akan menerangkannya di parti Tupperware."



NORLIA

Berbicara mengenai parti Tupperware, Norlia Ismail, 52, memberitahu parti tersebut cukup sinonim dengan jenama Tupperware Brands di serata negara termasuklah di Malaysia.

Sejak pelan berkenaan diperkenalkan oleh Brownie Wise, jurujual wanita legenda dari Florida, Amerika Syarikat yang juga merangkap Timbalan Presiden Tupperware Brands sejak enam

WHAHDARZANAL DAN ZHAMI JAAFAR



PARTI Tupperware telah dipraktikkan selama enam dekad sebagai corak promosi barangan tersebut.

Eksekutif Tupperware ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Norlia yang ditemui di kediamannya di Taman Sri Gombak, Selangor yang pernah mengguguli Anugerah Wanita Inspira Tupperware Brands berkata, pemilihan set produk wajar dititikberatkan bagi mengelakkan tetamu tepu kerana menerima informasi produk yang terlalu banyak.



KOLEKSI BeautiControl antara produk penjagaan wajah yang ditawarkan di Tupperware Brands.

dekad lalu populariti produk tersebut semakin meningkat.

"Kewujudan parti Tupperware menambah kepelbagaian pada corak promosi produk ini. Secara tidak langsung pada acara tersebut, mereka yang menghadirinya bukan sekadar membelek katalog malah berpulang melihat produk dengan lebih dekat dan memahami cara penggunaannya dengan betul."

"Lazimnya, seminggu sebelum parti berlangsung kami terlebih dahulu mengadakan perbincangan bersama tuan rumah atau penganjur parti Tupperware. Dalam diskusi itu, kami menyarankan pihak penganjur memilih set produk untuk dipromosi dan bersesuaian dengan sasaran para tetamu," terang Norlia yang kini berada pada tahap Pengarah



"Koleksi produk Tupperware terbahagi pada beberapa set. Selain set piza yang membolehkan individu menghasilkan piza dalam tempoh 20 minit dan menyimpan raman dalam bekas tertentu, Tupperware Brands turut menawarkan pilihan set yang ideal disusun dalam peti sejuk, kabinet dapur ataupun ketika menjalini aktiviti berkecil-kecil," tutur Norlia sambil mengulangi tepung di dalam bekas Tupperware khas.

Dalam pada itu, jelas Norlia sekiranya pada parti Tupperware berkenaan jualan produk mencecah RM880 maka tuan rumah layak menerima hadiah istimewa daripada pihak Tupperware Brands.

### Info

• Nama Tupperware diambil sempena nama penciptanya, Earl Tupper yang merupakan seorang ahli kimia, kelahiran Berlin, New Hampshire, Amerika Syarikat (AS).

• Produk pertama ciptaan Earl Tupper dihasilkan pada tahun 1938 tetapi mula dijual kepada orang ramai sekitar tahun 1946 melalui kaedah pendedahan katalog dan dijual dari rumah ke rumah.

• Jualan produk Tupperware yang kedap cecair dan kedap udara itu kurang mendapat sambutan kerana orang ramai tidak didedahkan dengan keistimewaan dan informasi produk tersebut.

• Situasi berubah apabila Brownie Wise seorang suri rumah yang berbakat dalam aspek jualan dan pemasaran mempromosi produk Tupperware dengan menganjurkan parti Tupperware di rumah.

• Parti Tupperware berjaya membantu meningkatkan jualan produk tersebut sehingga ke hari ini.

• Dalam tempoh enam dekad, Tupperware Brands telah berkembang di 100 buah negara. Di Malaysia sahaja, terdapat 200,000 ahli berdaftar dan memiliki 70 buah pusat perniagaan Tupperware Brands.

• Tupperware Brands melebarkan sayap di Malaysia pada tahun 1965. Kini ia menjadi salah satu perniagaan skim jualan langsung (MLM) yang berjaya di Malaysia.

• Bisnes Tupperware di Malaysia menawarkan 11 ranking seperti:

- Konsultant
- Star Konsultant
- VIP Konsultant
- Pengarah
- Pengarah 1 Star
- Pengarah 3 Star
- Pengarah 5 Star
- Pengarah Bersekutu
- Pengarah Eksekutif
- Pengarah Eksekutif Kanan
- Pengarah Presiden

• Keterangan lanjut mengenai bisnes Tupperware Brands sila hubungi 1-300-88-5500 atau layari laman web

[www.tupperwarebrands.com.my](http://www.tupperwarebrands.com.my)



EARL TUPPER

SET Aidilfitri yang bermotif flora ini sesuai disimpan kuali raya dan kerepek kerana ia kedap udara.



SEMPENA Ramadan dan Syawal yang bakal menjelang, Tupperware Brands, menawarkan koleksi produk bekas makanan dan minuman yang hadir dalam pelbagai bentuk, warna dan saiz.

Variasi barangan Tupperware yang diperbuat daripada material mesra alam itu memberi peluang kepada pengguna menggunakannya pada bila-bila masa dan dalam apa jua keadaan.

Menurut Pengarah Urusan Tupperware Brands Malaysia, David Wong, produk Tupperware ditawarkan dalam berbilang-bahagian berbilang kategori bagi memudahkan orang ramai menggunakannya. Selain set yang ideal untuk sajian berbuka puasa, pengguna juga berpeluang memiliki set minuman, kabinet dapur, bahan-bahan masakan, peti sejuk dan makanan.

## Koleksi khas Aidilfitri

"Pada bulan puasa, bermacam-macam makanan dihidangkan. Jadi, kami menyarankan kepada orang ramai menggunakan Tupperware set Legacy Flora."

"Set ini terdiri daripada tempat untuk menyimpan nasi, makanan bergoreng dan berkuah, piringan dan mangkuk. Bagi individu yang mencari juaah berbuka di bazar Ramadan, juaah ketinggalan membawa set Ra-

madan yang mengandungi sebotol minuman, bekas makanan dan beg yang boleh memuatkan bekas makanan dan botol minuman," terang David sambil menunjukkan set produk untuk ruang peti sejuk dan ruang sejuk beku.

Nasihat David, makanan yang berlebihan sebaiknya disimpan di dalam bekas Tupperware berbanding bekas plastik biasa. Penggunaan bekas plastik bukan saja menjejaskan kualiti sesuatu makanan malah membuatkan susunan di dalam peti sejuk kelihatan tidak teratur.

Bukan itu saja, sempena promosi Ramadan, Tupperware Brands turut menampilkan set Tupperware yang sesuai digunakan dalam ketuhan.



DAVID berbangga melihat masyarakat tempatan memperoleh pendapatan lumayan dengan berniaga Tupperware.